

08/11/1999

Pas bersandiwara: PM (PM)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Pas hanya bersandiwara apabila membuat janji untuk menerima pemimpin bukan Islam daripada DAP sebagai Perdana Menteri jika pakatan empat parti pembangkang dalam barisan alternatif memenangi pilihan raya umum akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, janji itu cuma muslihat Pas untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina.

"Yang dia (Pas) cakap itu nak bagi dengar kepada DAP saja. Tetapi apabila memberi ceramah tertutup, ceramah untuk orang Melayu saja, lain pula dia kata," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa parti itu bersedia menerima pemimpin DAP, walaupun bukan Islam sebagai Perdana Menteri.

Nik Aziz membuat janji itu selepas majlis jamuan teh bagi mengisi tabung Pas cawangan Flet Jalan Bayam di Kota Bharu, Jumaat lalu dan kenyataan itu diulanginya ketika berceramah di Kampung Tanjung, Kuala Terengganu malam tadi yang turut dihadiri Timbalan Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw.

Selain Pas dan DAP, barisan alternatif turut disertai Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Bercakap kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, rakyat boleh menilai kejujuran Pas kerana sejarah membuktikan parti itu sentiasa berbohong dan gagal menunaikan janjinya.

"Kita tahu sejarah Pas... dia berjanji dengan 46 (Parti Semangat 46) kalau menang di Kelantan, 46 akan menjadi Timbalan Menteri Besar... itu pun dia tak tunai.

"Rakyat tak percaya bahawa orang Cina akan percaya (terhadap janji terbaru Pas itu). Orang Cina atau orang India tidak akan percaya Pas akan terima orang bukan Islam sebagai Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir berkata, Pas sebenarnya tidak boleh dipercayai dan sanggup berjanji apa saja untuk mendapatkan sokongan politik termasuk di kalangan masyarakat Cina.

"Ya... siapa boleh percaya. Sekejap kata nak tubuh negara Islam, sekejap nak gugur Islam. Dia (Pas) kata orang Umno orang Islam, lepas itu dia kata orang Umno kafir. Jadi apa saja yang dia boleh kata, dia akan kata.

"Seperti kata Nik Aziz, bila dia nampak mikrofon, dia tak boleh tahan diri dah, dia nak kena bercakap, kalau dia nak bohong pun, dia bohong juga," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata, janji NiK Aziz itu hanyalah untuk memancing undi masyarakat bukan Islam.

"Kita semua tahu tradisi negara kita iaitu seorang Perdana Menteri mestilah orang Islam. Oleh kerana kita kena ikut banyak kebudayaan orang Islam dan raja kita pun orang Islam, maka kenyataan Pas itu tidak boleh dipercayai," katanya.

Beliau berkata, Pas kini seperti orang "mabuk atau gila kuasa" dengan menjanjikan pelbagai perkara yang tidak akan dapat ditunaikan jika berjaya menubuhkan kerajaan baru.

"Mengeluarkan idea adalah senang tetapi amat susah untuk melaksanakannya dan rakyat akan tahu tembelang sebenar Pas akhirnya," katanya.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek yang turut ditemui di rumah terbuka Samy Vellu berkata, masyarakat Cina dan bukan Islam negara ini sudah cukup matang untuk menilai tipu muslihat Pas.

"Motifnya adalah untuk memancing undi. Orang Cina tidak akan percaya dan memberi sokongan. Mereka faham akan tujuan Pas dan perjuangan mereka yang bukan untuk negara tetapi hanya untuk satu kaum saja. Tetapi Barisan Nasional (BN) berjuang untuk kepentingan semua kaum di negara ini," katanya.

(END)